



“KEMAKMURAN ASAS KEDAULATAN NEGARA”

(10 Mac 2017 / 11 Jamadilakhir 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا﴾

سورة الفرقان: ٦٣

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi
sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT
dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan
meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat
keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan
tajuk: “**Kemakmuran Asas Kedaulatan Negara**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam istiadat pembukaan penggal kelima Parlimen ke-13 lalu, Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titahnya telah menyatakan ikrar untuk
pertama, meneruskan kesinambungan pemerintahan yang adil dan saksama;
kedua, mengutamakan kesejahteraan rakyat; dan *ketiga*, kemakmuran negara

berlandaskan prinsip Raja Berperlembagaan. Pernyataan ini menggambarkan bahawa ketiga-tiga komponen yang dinyatakan merupakan asas penting dalam memastikan kedaulatan negara kekal terpelihara.

Sebagai sebuah negara berdaulat yang mengamalkan prinsip *wasatiyyah*, atau kesederhanaan, hubungan rakyat dan pemimpin perlu erat dan sepakat supaya suasana yang sihat dapat dinikmati oleh semua pihak. Pada masa sama, kita perlu meneruskan usaha-usaha mengekalkan keharmonian, perpaduan, memupuk nilai-nilai patriotisme, memajukan ekonomi dan mengekalkan persefahaman sesama kita. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 2:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۗ﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kedaulatan bermaksud kuasa tertinggi yang dimiliki oleh sesebuah negara yang digerakkan oleh sesebuah institusi dalam masyarakat atau politik untuk membuat keputusan tentang hal-hal tertentu. Namun, apabila membincangkan soal kedaulatan negara, ia secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan soal keamanan dan kemakmuran yang dilakukan oleh penduduknya. Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 117:

﴿وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلِهَا مُصْلِحُونَ ۗ﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri.”

Sememangnya setiap kita bertanggungjawab dalam memastikan kemakmuran dan kedaulatan negara. Peranan ini penting dalam usaha

membawa konsep perpaduan yang lebih jitu ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang benar-benar utuh.

Berdasarkan beberapa peristiwa pencerobohan yang dilakukan kumpulan pengganas di negara ini, kita perlu sedar betapa pentingnya aspek keamanan. Kita menamakan perkara ini sebagai keperluan penting atau *masalah dharuriyyah* bagi setiap manusia, masyarakat dan negara. Justeru dalam konteks ini, kita perlu memastikan negara bebas daripada sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan kedaulatannya.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita bersyukur, Malaysia masih dikekalkan dengan nikmat keamanan dan kemakmuran sehingga kini. Namun kita tidak boleh cepat berpuashati dan perlu berusaha keras supaya cabaran globalisasi tidak membuka ruang kepada kegiatan baharu yang mencemarkan kedaulatan negara. Contohnya, keganasan, kegiatan negatif, isu pemerdagangan manusia dan masalah pertahanan dan keselamatan dalam dan luar negara. Kita bertanggungjawab untuk memperjelaskan bahawa tindakan tidak menghormati kedaulatan negara adalah bertentangan dengan prinsip Islam dan perlembagaan negara.

Rasulullah SAW telah mengajar kita kaedah untuk memelihara kedaulatan sebuah negara menerusi peristiwa pembukaan Kota Madinah. Langkah yang baginda SAW lakukan ialah menjalinkan hubungan luar dengan negara-negara berdekatan melalui penghantaran utusan diplomatik dan dakwah yang telah dilantik khas. Kesannya, negara-negara berkenaan telah memberikan pengiktirafan sekaligus mengakui kedaulatan Madinah di samping dapat mengukuhkan ekonomi, peluasan pengaruh, penyebaran syiar Islam dan terbentuknya pelbagai bidang kerjasama secara harmoni.

Dalam hal ini, amalan serupa telah menjadi ikutan di kebanyakan negara termasuk Malaysia demi memelihara kedaulatan negara. Lebih menarik lagi,

Malaysia diberi kepercayaan dan peranan penting sebagai orang perantaraan dalam menyelesaikan isu-isu antarabangsa.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam konteks ini, mimbar mendapati bahawa aspek memelihara keamanan dan kedaulatan, sebenarnya berkait rapat dengan keimanan yang menjadi benteng kekuatan hati untuk menjauhi perkara yang dibenci oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am, ayat 82:

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ﴾

Maksudnya: “Orang yang beriman dan tidak mencampurkan iman mereka dengan kezaliman, bagi mereka itulah keamanan dan merekalah yang mendapat petunjuk.”

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، وَالْمُؤْمِنُ مَنْ أَمِنَهُ النَّاسُ عَلَى دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ

Mafhumnya: “Daripada Abu Hurairah r.a berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Seseorang Islam itu ialah yang menyelamatkan kaum muslimin melalui lidah (bicara) dan tangannya (kuasa dan perlakuan), dan orang yang beriman pula ialah orang yang dipercayai oleh orang lain dalam menjamin nyawa dan harta benda mereka. (HR Imam al-Tirmizi)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Di saat yang penuh keberkatan ini, mimbar menyeru sidang Jemaah sekalian marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah SWT agar dikurniakan kemakmuran dan kesejahteraan serta perlindungan kepada negara dan seluruh rakyatnya di mana berada. Semoga dengan itu, kedaulatan negara terus terpelihara dan terlepas daripada segala mara bahaya. Mengakhiri khutbah, dapat dikumpulkan beberapa intipati khutbah yang boleh dipegang oleh sidang jemaah sekalian, antaranya:

Pertama: Memelihara kemakmuran negara adalah tanggungjawab bersama untuk memastikan kedaulatan negara terpelihara sampai bila-bila.

Kedua: Usaha melestarikan kedaulatan negara perlu dilipatgandakan seiring dengan cabaran globalisasi untuk menutup ruang yang boleh menjejaskan imej negara.

Ketiga: Keimanan yang kuat menjadi benteng diri daripada melakukan kerosakan terhadap nikmat kemakmuran.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ
وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ
مُّسْتَقِيمٍ ﴿

Maksudnya: “Dengan (Al-Qur'an) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan kepada sesiapa yang mengikut keredhaan-Nya, dan Tuhan keluarkan mereka dari gelap gelita kepada cahaya yang terang-benderang, dengan izin-Nya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus”. (Surah Al-Maidah: 16)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وانتهوا عما نهاكم عنه وحذر. واعلموا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ

اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَيَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَيَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلَيَّ عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ مَلِكِنَا:
كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دقرتوان اکوغ سلطان محمد کلیمَا
وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ. أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ
مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزْرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا، وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ
لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سَرَاجًا وَهَاجًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ
بِلَادِنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَقِّقْنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ
مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.